

# Gangguan Seksual

merupakan kesalahan tatatertib...



Peraturan 4A, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005 'Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam'

Sebarang perlakuan bersifat seksual yang menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.



Tidak terhad kepada orang yang mengganggu dan pengadu sahaja, malah boleh terjadi dalam keadaan berikut :

- Kenyataan / jenaka berunsur seksual dalam mesyuarat atau ceramah.

Gangguan samada dalam bentuk lisan, isyarat, visual, fizikal atau psikologi

## Bagaimana ia berlaku? Sedarkah anda?...



Boleh terjadi kepada lelaki atau perempuan atau antara sesama jantina.

Tidak terhad kepada perlakuan di tempat kerja atau dalam waktu kerja selagi perlakuan itu memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.

# Hentikan gangguan seksual.. Ketahui hak anda!

## Keperluan:

- ✓ **Mengenal pasti pegawai yang membuat gangguan** (sama ada rakan sekerja atau pegawai atasan);
- ✓ **Membuat catatan atau merekodkan kejadian** (bila, masa, di mana);
- ✓ **Menyimpan** apa – apa nota, emel, foto, sms, mms dan lain – lain dokumen atau benda yang diterima daripada pengganggu **yang boleh dijadikan sebagai bahan bukti**;
- ✓ **Maklumkan kepada pihak ketiga** dalam jumlah yang minima untuk menjaga kerahsiaan dan maruah; atau
- ✓ **Kenalpasti saksi** yang boleh memberi keterangan jika diperlukan.

## Tindakan:

Anda boleh memilih sama ada :-

- ✓ **Menghubungi Pegawai Psikologi/ Kaunselor** di jabatan anda untuk bantuan secara rasmi atau bantuan tidak rasmi; atau
- ✓ **Membuat laporan kepada Unit Integriti, KPWKM atau Pihak Berkuasa Tatatertib** di agensi; atau
- ✓ **Membuat laporan polis** sekiranya gangguan berkenaan terjumlah kepada kesalahan jenayah (contoh mencabul kehormatan di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan).

